 - (i) maka, jumlah wang yang dinyatakan dalam perenggan 3(a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar; dan
 - (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah wang yang dinyatakan dalam subperenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah wang yang kena dibayar kepada pemegang gadaian;
 - (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh hari dari tarikh jualan, iaitu, tidak lewat dari tarikh 1 September 2018 dan bahawa tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah dinyatakan; dan
 - (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d), jumlah wang yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucuthak dan dilupuskan dengan cara yang dinyatakan di bawah seksyen 267.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Bukit Senggeh. No. Lot/Petak/P.T.—13410. Perihal dan No. Hakmilik—G.M.M. 704. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Penerimaan 0402SC2012002148. (Satu (1) Hakmilik sahaja).

Bertarikh 13 Februari 2018
[0402AUC2017000063]

AZLIN SHAHIDA BINTI MOHD NOOR
*Penolong Pentadbir Tanah Daerah
Jasin*

I, Azlin Shahida binti Mohd Noor (NRIC. 831116-05-5562), Assistant District Land Administrator of Jasin, in exercise of the powers conferred by section 263 of the National Land Code, hereby order the sale of the land described in the Schedule below;

And I further order—

- (a) that the sale shall be by public auction, to be held on the 3 May 2018 (Thursday) at 10.00 a.m. at the premises of the District and Land Office of Jasin, Malacca; and
 - (b) that the reserve price for the purpose of the sale shall be RM125,000.00 (Ringgit Malaysia: One Hundred Twenty Five Thousand only).
2. I find that the amount due to the chargee at this date is RM521,938.11. Name of Chargee is Bank Simpanan Nasional.
3. The sale shall be subject to the following conditions:
- (a) the bidder possesses, the sum equivalent to ten per centum of the reserve price specified under paragraph 1(b) above: RM12,500.00 (Ringgit Malaysia Twelve Thousand Five Hundred only);
 - (b) the full amount of the purchase price may be paid immediately after the fall of the hammer by the successful bidder to the chargee;
 - (c) where the full amount of the purchase price is not paid after the fall of the hammer by the successful bidder—
 - (i) then, the sum specified in paragraph 3(a) shall be paid to the chargee and it shall be retained as a deposit until the full purchase price has been paid; and
 - (ii) pending the settlement of the balance of the purchase price, the sum specified in subparagraph (i) shall be credited into the account of the chargor for the purpose of reducing the amount due to the chargee;
 - (d) the balance of the purchase price shall be settled within a date not later than one hundred and twenty days from the date of the sale, that is, not later 1 September 2018 and there shall be no extension of the period so specified; and
 - (e) where the full purchase price is not settled on or by the date specified in paragraph (d), the sum paid as deposit under paragraph (c) to the chargee shall be forfeited and disposed of in the manner specified under section 267.

SCHEDULE OF LAND AND INTEREST

Town/Village/Mukim—Bukit Senggeh. Lot/Parcel/L.O. No.—13410. Description and No. of Title—G.M.M. 704. Registered No. of Charge (if any)—Presentation No. 0402SC2012002148. (One (1) Title only).

Dated 13 February 2018
[0402AUC2017000063]

AZLIN SHAHIDA BINTI MOHD NOOR
Assistant District Land Administrator
Jasin

No. 124.LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Pendapat

Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Alor Gajah telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan Pada 31 Disember 2016 dan Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai Majlis Perbandaran Alor Gajah bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Majlis Perbandaran Alor Gajah pada 31 Disember 2016 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Seksyen 3 Akta 171 di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976.

Asas Kepada Pendapat

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan The International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Majlis Perbandaran Alor Gajah dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan The International Standards of Supreme Audit Institutions.

Emphasis of Matter

Tanpa menjejaskan Pendapat Audit, saya ingin menarik perhatian terhadap perkara berikut:

- (i) Jabatan Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri Melaka bertarikh 22 Mac 2017 nombor rujukan PWN(PP)1/41JLD4(1) telah mengarahkan semua Agensi Negeri menggunakan piawaian perakaunan Malaysian Private Entities Reporting Standards (MPERS berikutan pemansuhan piawaian perakaunan yang lama iaitu Private Entities Reporting Standards (PERS). Bagaimanapun Majlis Perbandaran Alor Gajah masih tidak menerima pakai sepenuhnya piawaian perakaunan yang telah ditetapkan oleh Perbendaharaan.

- (ii) Jumlah Penghutang yang dilaporkan tidak tepat kerana kutipan berjumlah RM15,316.57 yang dipungut bagi tempoh 2009 sehingga 2015 tidak diakaunkan ke dalam Buku Tunai. Perkara ini adalah isu berulang dan telah dibangkitkan dalam Surat Pengurusan sebelum ini dan tiada tindakan tegas yang diambil.
- (iii) Hutang kepada Solid Waste And Public Cleansing Management Corporation (SW Corp) berjumlah RM2,236,234.27 sehingga 31 Disember 2016. Pada tahun 2016, dokumen sokongan bagi menyokong invois berjumlah RM2,806,091.95 yang dibuat kepada Solid Waste And Public Cleansing Management Corporation (SW Corp) tidak lengkap di mana pengesahan siap kerja tidak disertakan bersama-sama 5 baucar bayaran yang disemak. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada kerja-kerja berkenaan telah dilaksanakan dengan betul dan sempurna.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Alor Gajah bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap penyata kewangan Majlis Perbandaran Alor Gajah tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Ahli Majlis Terhadap Penyata Kewangan

Ahli Majlis bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Majlis Perbandaran Alor Gajah yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Seksyen 3 Akta 171 di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Majlis Perbandaran Alor Gajah yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Majlis Perbandaran Alor Gajah, Ahli Majlis bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Majlis Perbandaran Alor Gajah untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Majlis Perbandaran Alor Gajah secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut The International Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut The International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan professional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- (a) Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan Majlis Perbandaran Alor Gajah, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- (b) Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Majlis Perbandaran Alor Gajah.
- (c) Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Ahli Majlis.
- (d) Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Ahli Majlis dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Majlis Perbandaran Alor Gajah sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Majlis Perbandaran Alor Gajah atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.
- (e) Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan Majlis Perbandaran Alor Gajah memberi gambaran yang saksama.

Saya telah berkomunikasi dengan Ahli Majlis, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan, termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Seksyen 3 Akta 171 di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976, saya juga melaporkan bahawa pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta untuk disimpan oleh Majlis Perbandaran Alor Gajah telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta.

Hal-hal Lain

- (a) Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Alor Gajah telah menerima pakai piawaian perakaunan Malaysian Private Entities Reporting Standards (MPERS) mulai 1 Januari 2016 dengan tarikh peralihan pada 1 Januari 2015. Bagaimanapun, mereka tidak menerima pakai sepenuhnya piawaian

tersebut. Piawaian ini diterima pakai bukan secara retrospektif terhadap angka perbandingan dalam Penyata Kewangan ini, termasuk Penyata Kedudukan Kewangan Majlis Perbandaran Alor Gajah pada 31 Disember 2015 dan 1 Januari 2016, dan Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai Majlis Perbandaran Alor Gajah bagi tahun berakhir 31 Disember 2015 dan pendedahan berkaitan. Tanggungjawab saya sebagai sebahagian daripada pengauditan penyata kewangan Majlis Perbandaran Alor Gajah bagi tahun berakhir 31 Disember 2016, dalam keadaan ini, termasuk mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian yang baki awal pada 1 Januari 2016 tidak mengandungi salah nyata yang boleh memberi kesan ketara terhadap kedudukan kewangan pada 31 Disember 2016 dan prestasi kewangan dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

- (b) Laporan ini dibuat untuk Ahli Majlis dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.

MELAKA
Bertarikh 10 Ogos 2017

REDZUAN BIN ABDUL SAMAD
*b.p. Ketua Audit Negara
Malaysia*

PENYATA OLEH AHLI-AHLI MAJLIS
MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH

Kami, Haji Nordin bin Zainal dan Siti Nurulaina binti Abdullah yang merupakan dua daripada Ahli-Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Alor Gajah dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat kami, Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Majlis Perbandaran Alor Gajah pada 31 Disember 2016 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Ahli-Ahli Majlis,

HAJI NORDIN BIN ZAINAL
*Ahli Majlis
Majlis Perbandaran Alor Gajah*

SITI NURULAINA BINTI ABDULLAH
*Ahli Majlis
Majlis Perbandaran Alor Gajah*

Bertarikh 28 April 2017

Bertarikh 28 April 2017

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG
BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN
MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH

Saya, Haji Ismail bin Haji Hasim, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan Majlis Perbandaran Alor Gajah, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2016

yang berikut ini berserta nota-nota di dalamnya, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya adalah benar dan saya membuat pengakuan ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya adalah benar dan menurut kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun 1960.

Ditandatangani dan diakui oleh penama yang tersebut di atas di Alor Gajah, Melaka pada 28 April 2017

HAJI ISMAIL BIN HAJI HASIM

Di hadapan saya,

SUHAIZA BINTI SHARUDIN
Majistret
Alor Gajah

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2016

	2016	2015
	RM	RM
ASET BUKAN SEMASA		
Hartanah, Loji dan Peralatan (Nota 3a)	21,160,031.29	21,719,130.15
Hartanah Pelaburan (Nota 3b)	24,169,877.00	24,365,817.90
Jumlah Aset Bukan Semasa	<u>45,329,908.29</u>	<u>46,084,948.05</u>
ASET SEMASA		
Penghutang dagangan dan lain-lain penghutang (Nota 4)	6,635,231.86	6,592,335.06
Faedah Terakru	187,594.06	157,304.26
Penghutang Pinjaman Majlis	227,596.95	254,595.90
Simpanan Tetap	14,650,000.00	12,950,000.00
Tunai dan Kesetaraan tunai (Nota 5)	22,715,461.61	17,589,366.56
Jumlah Aset Semasa	<u>44,415,884.48</u>	<u>37,543,601.78</u>
LIABILITI SEMASA		
Pemiutang dagangan dan lain-lain pemiutang (Nota 6)	31,253,921.55	30,292,594.63
Penerimaan Terdahulu (Nota 7)	305,550.04	271,408.06
Pendahuluan Diterima (Nota 8)	31,074,668.61	26,072,982.06
Akaun Penyelesaian Cek Terbatal	188,892.07	231,456.17
Pemiutang Sewabeli (Nota 9)	222,172.39	301,375.18
Jumlah Liabiliti Semasa	<u>63,045,204.66</u>	<u>57,169,186.10</u>
LIABILITI SEMASA BERSIH	<u>(18,629,320.18)</u>	<u>(19,626,214.32)</u>
	<u>26,700,588.11</u>	<u>26,458,733.73</u>

	2016 RM	2015 RM
MODAL DAN RIZAB		
Kumpulan Wang Majlis	19,932,887.55	20,123,585.45
Geran Tertunda (Nota 10)	6,417,726.64	5,908,590.61
Jumlah Ekuiti	26,350,614.19	26,032,176.06
LIABILITI BUKAN SEMASA		
Pemiutang Sewabeli (Nota 9)	349,973.92	426,557.67
Jumlah	26,700,588.11	26,458,733.73

Nota-nota yang disertakan adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan ini dan perlu dibaca berkaitan dengannya.

PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF BAGI TAHUN KEWANGAN
BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

	2016 RM	2015 RM
PENDAPATAN		
Hasil Cukai (Nota 11)	17,778,401.30	17,391,519.65
Lesen dan Permit (Nota 12)	2,004,470.00	1,828,495.18
Bayaran Perkhidmatan (Nota 13)	2,813,809.96	2,489,373.98
Perolehan Jualan Barang (Nota 14)	245,769.10	216,014.75
Sewaan (Nota 15)	1,587,524.80	1,641,316.07
Faedah dan Pelaburan (Nota 16)	752,263.56	592,313.73
Denda dan Hukuman (Nota 17)	1,246,436.02	910,728.08
Lain-lain Terimaan (Nota 18)	609,161.35	311,066.46
Terimaan Dari Agensi Kerajaan (Nota 19)	15,249,576.12	11,182,470.50
Jumlah	42,287,412.21	36,563,298.40
PERBELANJAAN		
Emolumen (Nota 20)	11,540,261.23	11,121,854.17
Perkhidmatan dan Bekalan (Nota 21)	21,817,940.25	21,369,183.24
Aset (Nota 22)	1,087,418.72	1,180,812.31
Pemberian dan Kenaan Bayaran (Nota 23)	134,974.09	291,350.94
Lain-lain Perbelanjaan (Nota 24)	2,780,459.57	2,857,998.30
Perbelanjaan Pembangunan (Nota 25)	5,364,685.95	2,262,578.10
Jumlah	42,725,739.81	39,083,777.66
(KURANGAN)PENDAPATAN	(438,327.60)	(2,520,479.26)

Nota-nota yang disertakan adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan ini dan perlu dibaca berkaitan dengannya.

PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI BAGI TAHUN
BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

	KUMPULAN WANG TERKUMPUL	REZAB PENILAIAN SEMULA	KUMPULAN WANG PINJAMAN	KUMPULAN WANG PEMBASMIAN KEMISKINAN BANDAR	JUMLAH
Baki Pada 1 Januari 2015	5,660,645.69	16,486,562.80	400,000.00	183,098.40	22,730,306.89
Kurangan Pendapatan Bagi Tahun	(2,520,479.26)	—	—	—	(2,520,479.26)
Pelarasan Tahun Lepas	(86,242.18)	—	—	—	(86,242.18)
Terimaan Sumbangan PPKB	(175,584.00)	—	—	175,584.00	—
Bayaran Sumbangan PPKB	221,536.00	—	—	(221,536.00)	—
Baki Pada 31 Disember 2015	3,099,876.25	16,486,562.80	400,000.00	137,146.40	20,123,585.45
Kurangan Pendapatan Bagi Tahun	(438,327.60)	—	—	—	(438,327.60)
Pelarasan Tahun Lepas	247,629.70	—	—	—	247,629.70
Terimaan Sumbangan PPKB	(125,020.00)	—	—	125,020.00	—
Bayaran Sumbangan PPKB	162,777.00	—	—	(162,777.00)	—
Baki Pada 31 Disember 2016	2,946,935.35	16,486,562.80	400,000.00	99,389.40	19,932,887.55

Nota-nota yang disediakan adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan ini dan perlu dibaca berkaitan dengannya.

PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

	2016 RM	2015 RM
Aliran Tunai Aktiviti Operasi		
(Kurangan) Pendapatan	(438,327.60)	(2,520,479.26)
Pelarasan		
Pelarasan Tahun Lalu	247,629.70	(86,242.18)
Susutnilai	1,732,637.55	1,623,614.02
Pelarasan Susutnilai	—	(81.00)
Perbelanjaan Faedah	49,341.46	45,219.47
Pelupusan Aset	17,978.80	12,171.40
Pendapatan Faedah	(511,027.83)	(392,277.09)
Lebih Perbelanjaan Sebelum Perubahan Modal Kerja	1,098,232.08	(1,318,074.64)
Perubahan modal kerja		
Tambahan dalam penghutang	(42,896.80)	(953,087.63)
Tambahan dalam pemiutang	961,326.92	4,760,655.42
Tambahan dalam penerimaan terdahulu	34,141.98	61,310.02
Tambahan dalam pendahuluan diterima	5,001,686.55	3,939,665.26
Tambahan dalam penyelesaian cek terbatal	(42,564.10)	49,823.15
Tunai hasil dari aktiviti operasi	7,009,926.63	6,540,291.58
Bayaran perbelanjaan faedah	(49,341.46)	(45,219.47)
Terimaan pendapatan faedah	480,738.03	329,129.89
Tunai Bersih Dijana Dari Aktiviti Operasi	7,441,323.20	6,824,202.60

	2016 RM	2015 RM
Aliran Tunai Aktiviti Pelaburan		
Pembelian harta tetap	(995,576.59)	(273,003.57)
Tunai Bersih Digunakan Dalam Aktiviti Pelaburan	(995,576.59)	(273,003.57)
Aliran Tunai Aktiviti Pembiayaan		
Perolehan daripada pemiutang sewabeli	159,900.00	181,000.00
Bayaran balik kepada pemiutang sewabeli	(315,686.54)	(285,509.53)
Pengeluaran pinjaman kepada kakitangan	(90,400.00)	(179,900.00)
Bayaran balik daripada peminjam	117,398.95	85,655.31
Pemberian Kerajaan	509,136.03	—
Tunai Bersih Dijana Dari Aktiviti Pembiayaan	380,348.44	(198,754.22)
Tambahan Bersih Tunai Dan Kesetaraan Tunai	6,826,095.05	6,352,444.21
Baki Awal Tunai Dan Kesetaraan Tunai	30,539,366.56	24,186,922.35
Baki Akhir Tunai Dan Kesetaraan Tunai	37,365,461.61	30,539,366.56
Tunai Dan Kesetaraan Tunai Adalah Seperti Berikut:		
Wang Tunai Di Tangan	3,000.00	3,000.00
Wang Tunai Di Bank	22,715,964.90	17,586,366.56
Simpanan Tetap Di Institusi Perbankan	14,650,000.00	12,950,000.00
	37,365,461.61	30,539,366.56

DASAR PERAKAUNAN DAN NOTA KEPADA KEWANGAN BAGI TAHUN
KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

1. KEGIATAN UTAMA

Majlis Daerah Alor Gajah ditubuhkan mengikut Seksyen 3 Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) pada 1 Julai 1978. Ianya telah dinaiktaraf kepada Majlis Perbandaran Alor Gajah pada 1 Mei 2003. Kegiatan utama adalah untuk menguruskan pembangunan daerah dan menyediakan perkhidmatan perbandaran kepada penduduk di daerah Alor Gajah.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

(a) Pematuhan

Penyata-penyata kewangan Majlis telah disediakan menurut kesesuaian piawaian perakaunan yang diluluskan di Malaysia dan peruntukan-peruntukan Akta Kerajaan Tempatan 1976.

(b) Asas-asas Perakaunan

Penyata-penyata kewangan Majlis telah disediakan mengikut kelaziman kos sejarah dan bersesuaian dengan piawaian perakaunan yang diluluskan di Malaysia kecuali terhadap perkara-perkara yang dinyatakan dalam Penyata Kewangan.

(c) Persembahan Matawang

Matawang yang dinyatakan di dalam penyata kewangan adalah dalam Ringgit Malaysia dan jumlah dinyatakan di dalam Ringgit.

(d) Penghutang

Penghutang dinyatakan pada jumlah nilai yang masih boleh dikutip. Hutang lapuk yang dikenalpasti akan dilupuskan dan peruntukan khas akan dibuat ke atas hutang ragu.

(e) Pemiutang

Pemiutang dinyatakan pada kos yang merupakan nilai semasa yang perlu dibayar pada masa hadapan bagi bekalan dan perkhidmatan yang diterima.

(f) Penjejasan Aset

Apabila terdapat petunjuk wujudnya penurunan nilai, jumlah simpanan aset ditaksir dan dikurangkan serta merta kepada jumlah yang boleh diperolehi semula. Sekiranya terdapat tanda-tanda sedemikian, amaun yang boleh diperolehi semula bagi aset berkenaan akan dianggarkan. Amaun yang boleh diperolehi semula merupakan amaun yang lebih tinggi di antara nilai jualan bersih aset dan nilai diguna, yang diukur berasaskan aliran tunai yang dijangka yang didiskaunkan. Amaun yang boleh diperolehi semula dijangka untuk aset individu atau, sekiranya tidak boleh, untuk unit yang menghasilkan tunai yang mana aset itu digunakan.

(g) Faedah Kakitangan

Faedah Jangka Pendek

Upah, gaji, elaun dan bonus diiktiraf sebagai perbelanjaan pada tahun yang mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh kakitangan Majlis. Ketidakhadiran terimbuh terkumpul jangka pendek seperti cuti tahunan berbayar adalah diiktiraf apabila perkhidmatan diberikan oleh kakitangan yang meningkatkan hak mereka bagi ketidakhadiran terimbuh masa hadapan dan ketidakhadiran terimbuh tak terkumpul jangka pendek seperti cuti sakit adalah diiktiraf apabila berlakunya ketidakhadiran itu.

Pelan Caruman Tetap

Pihak Majlis membuat caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Perkeso dan Kumpulan Wang Awam Pencen (KWAP). Caruman sedemikian diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan seperti yang ditanggung. Apabila caruman telah dibayar, pihak Majlis tiada obligasi bayaran lagi.

(h) Aset Tetap dan Susutnilai

Aset tetap dinyatakan pada kos setelah ditolak susutnilai. Tanah milikbebas tidak disusutnilai. Tanah pegangpajak disusutnilai sepanjang jangkamasa pajakan. Bagi kesemua aset tetap yang lain, susutnilai diperuntukkan atas kaedah garis lurus supaya memansuhkan kos setiap aset di sepanjang anggaran hayat kegunaannya.

Kadar susutnilai tahunan adalah:

	2016	2015
Tanah Pegang Pajak	99 tahun	99 tahun
Bangunan Kekal	2%	2%
Bangunan Separuh Kekal	5%	5%
Kenderaan	20%	20%
Mesin Potong Rumput	20%	20%
Mesin Pejabat	10%	10%
Pelbagai Alat Lain	10%	10%
Komputer	20%	20%

Selepas pelupusan aset tetap, perbezaan di antara terimaan bersih pelupusan dan nilai buku bersih adalah diiktiraf di dalam penyata pendapatan dan rizab penilaian semula yang berkaitan sekiranya ada, dan dipindahkan ke keuntungan terkumpul.

(i) Pelaburan Hartanah

Pelaburan hartanah adalah hartanah yang dimiliki dengan tujuan untuk mendapatkan hasil sewaan atau penerimaan modal atau kedua-duanya sekali.

(j) Penilaian Semula Tanah dan Bangunan

Majlis menjalankan polisi penilaian semula terhadap tanah milik bebas, tanah pegang pajak dan bangunan kekal yang mempunyai hakmilik setiap lima tahun. Pertambahan/ (Pengurangan) atas penilaian semula aset akan dikredit/(didebit) ke Akaun Rezab Penilaian Semula. Tanah dan bangunan yang dinilai semula disusutnilaikan atas amaun Penilaian Semula mengikut dasar yang ternyata di Para (h) di atas.

(k) Pengiktirafan Pendapatan

Pendapatan dari Cukai Taksiran, Caruman Bantuan Kadar, sewaan bangunan dan faedah adalah diiktiraf mengikut kaedah akruan. Pendapatan lain adalah diiktiraf pada asas tunai.

(l) Peruntukan Hutang Ragu

Peruntukan Hutang Ragu diwujudkan bagi memberi satu anggaran akan hutang atau tunggakan hasil yang berkemungkinan besar tidak dapat dikutip atau akan menjadi lapuk.

(m) Geran Pengurusan dan Sumbangan Dari Kerajaan

Geran Pengurusan dan Sumbangan dari Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri adalah diiktiraf sebagai hasil sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 39 (d) Akta Kerajaan Tempatan 1976.

(n) Geran Pembangunan Dari Kerajaan

Geran Pembangunan Dari Kerajaan yang berkaitan dengan perbelanjaan modal diakaunkan kepada Pemberian Kerajaan Yang Dimodalkan. Amaun yang digunakan dalam tahun semasa akan diambilkira dalam Penyata Pendapatan berdasarkan kepada tempoh hayat aset berkenaan yang bersamaan dengan jumlah susutnilai dikenakan.

(o) Tunai dan Kesetaraan Tunai

Tunai merangkumi wang tunai di tangan, di bank, overdraf bank dan simpanan tetap di institusi perbankan. Kesetaraan tunai merangkumi pelaburan mudah tunai yang boleh ditukar kepada amaun tunai yang diketahui yang tertakluk kepada risiko pertukaran nilai yang tidak signifikan. Pihak Majlis menggunakan kaedah tidak langsung di dalam penyediaan penyata aliran tunai.

3a. ASET TETAP

JENIS ASET	KOS			SUSUTNILAI		NILAI BUKU BERSIH				
	1-1-2016	Tambah	Kurang	31-12-2016	1-1-2016	Semasa	Pelupusan	31-12-2016	2016	2015
TANAH MILIK BEBAS	1,800,000.00	—	—	1,800,000.00	—	—	—	—	1,800,000.00	1,800,000.00
TANAH PAJAK	19,720,104.00	—	—	19,720,104.00	1,001,981.43	231,269.51	—	1,233,250.94	18,486,853.06	18,718,122.57
KENDERAAN	4,472,669.12	198,292.26	—	4,670,961.38	3,669,085.60	511,170.05	—	4,180,555.65	490,705.73	803,583.52
MESIN POTONG RUMPUT	37,103.20	—	—	37,103.20	37,081.20	—	—	37,081.20	22.00	22.00
MESIN PELABAT	72,849.00	—	—	72,849.00	72,840.00	—	—	72,840.00	9.00	9.00
PELBAGAI ALAT LAIN	1,216,075.73	23,060.00	3,960.00	1,235,175.73	972,160.05	58,757.65	2,772.00	1,028,145.70	207,030.03	243,915.68
PELBAGAI ALAT LAIN (Geran Tertunda)	68,450.00	—	—	68,450.00	38,220.00	6,845.00	—	45,065.00	23,385.00	30,230.00
KOMPUTER	947,166.92	114,313.41	32,779.00	1,028,701.33	823,919.54	68,743.53	15,988.20	876,674.87	152,026.46	123,247.38
JUMLAH	28,334,417.97	335,665.67	36,739.00	28,633,344.64	6,615,287.82	876,785.74	18,760.20	7,473,313.35	21,160,031.29	21,719,130.15

3b. PELABURAN HARTANAH

JENIS ASET	KOS			SUSUTNILAI		NILAI BUKU BERSIH				
	1-1-2016	Tambah	Kurang	31-12-2016	1-1-2016	Semasa	Pelupusan	31-12-2016	2016	2015
BANGUNAN KEKAL	21,001,589.40	—	—	21,001,589.40	3,899,937.53	518,158.81	—	4,418,096.34	156,583,493.06	17,101,651.87
BANGUNAN SEPARUH KEKAL	4,875,475.63	—	—	4,875,475.63	3,489,670.21	193,763.12	—	3,683,433.33	1,192,042.30	1,385,805.42
BANGUNAN (Geran Tertunda)	6,536,582.65	659,910.92	—	7,196,493.57	658,222.04	143,929.89	—	802,151.93	6,394,341.64	5,878,360.61
JUMLAH	32,413,647.68	659,910.92	—	33,073,558.60	8,047,829.78	855,851.83	—	8,903,681.60	24,169,877.00	24,365,817.90
JUMLAH KESELURUHAN	60,748,065.65	995,576.59	36,739.00	61,706,903.24	14,663,117.60	1,732,637.56	18,760.20	16,376,994.96	45,329,908.28	46,084,948.05

- 3c. Kos aset tetap yang telah disusutnilai penuh dan masih digunakan di dalam Lembaran Imbangan:

	2016	2015
	RM	RM
Bangunan Separuh Kekal	1,000,181.18	892,338.18
Kenderaan	2,115,082.11	1,773,572.15
Mesin Potong Rumput	37,081.20	37,081.20
Mesin Pejabat	72,840.00	72,840.00
Pelbagai Alatan Lain	734,059.70	647,346.20
Komputer	785,257.70	686,743.70
	<u>4,744,501.89</u>	<u>4,109,921.43</u>
4. PENGHUTANG DAGANGAN DAN LAIN-LAIN PENGHUTANG		
Tunggakan Cukai Taksiran	5,291,256.28	5,489,257.81
Tunggakan Sewaan Gerai/Pasar	123,705.93	125,868.69
Penghutang CBK - Kerajaan Negeri	—	218,689.02
Penghutang CBK- Badan Berkanun	97,907.81	95,598.91
Penghutang Jualan Harta	5,590.00	5,500.00
Penghutang - Pos Malaysia	88,217.93	79,471.35
Penghutang - PTG	2,381.93	816.19
Penghutang Kerajaan Negeri	389,828.10	380,994.08
Penghutang GST - JKDM	636,343.88	196,139.01
	<u>6,635,231.86</u>	<u>6,592,335.06</u>
5. WANG DI BANK DAN WANG DI TANGAN		
Wang Di Bank - Operasi	(49,602.44)	838,278.04
Wang Di Bank - Amanah	16,180,309.73	12,666,269.74
Wang Di Bank - Program Kemiskinan Bandar	653,600.92	177,314.16
Wang Di Bank - Peruntukan Persekutuan	5,928,153.40	3,904,504.62
Wang Di Tangan- Panjar Wang Runcit	3,000.00	3,000.00
	<u>22,715,461.61</u>	<u>17,589,366.56</u>
6. PEMIUTANG DAGANGAN DAN LAIN-LAIN PEMIUTANG		
Perbelanjaan Terakru	31,044,740.40	30,083,413.48
Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya	209,181.15	209,181.15
	<u>31,253,921.55</u>	<u>30,292,594.63</u>
7. PENERIMAAN TERDAHULU		
Cukai Taksiran	291,832.49	246,041.03
Sewa Gerai/Pasar	13,717.55	25,367.03
	<u>305,550.04</u>	<u>271,408.06</u>

8. PENDAHULUAN DITERIMA

	2016	2015
	RM	RM
Pendahuluan Diterima terdiri daripada cagaran atau deposit sewaan, infrastruktur, projek dan perkhidmatan-perkhidmatan lain yang disediakan oleh Majlis.		
Pelbagai Deposit	28,084,969.13	24,229,349.55
Caruman Kemudahan Awam/Infrastruktur	565,551.56	523,898.45
Caruman Perparitan	2,105,471.78	1,146,740.75
Caruman Petak Letak Kereta	127,800.00	115,800.00
Sumbangan Program	161,163.34	38,637.31
Caj Warisan	29,712.80	18,556.00
	<u>31,074,668.61</u>	<u>26,072,982.06</u>

9. PEMIUTANG SEWABELI

Jangka Pendek		
Nilai semasa hutang sewabeli tidak melebihi 12 bulan	222,172.39	301,375.18
Jangka Panjang		
Nilai semasa hutang sewabeli melebihi 12 bulan	349,973.92	426,557.67
	<u>572,146.31</u>	<u>727,932.85</u>

10. GERAN TERTUNDA

Baki pada 1 Januari	5,908,590.61	6,046,167.28
Geran Tertunda Bagi Tahun Semasa	659,910.92	—
Tolak:		
Pelunasan Geran Tertunda	(150,774.89)	(137,576.67)
Baki pada 31 Disember	<u>6,417,726.64</u>	<u>5,908,590.61</u>

11. HASIL CUKAI

Cukai Taksiran	16,647,903.10	16,261,021.45
Caruman Bantuan Kadar Kerajaan Persekutuan	743,797.30	743,797.30
Caruman Bantuan Kadar Kerajaan Negeri	133,959.76	218,689.02
Caruman Bantuan Kadar Badan Berkanun	252,741.14	168,011.88
	<u>17,778,401.30</u>	<u>17,391,519.65</u>

12. LESEN DAN PERMIT

Lesen Pasar	26,299.00	28,141.00
Lesen Perniagaan	1,179,011.85	1,071,688.89
Lesen Penjaja	20,661.65	22,917.95
Lesen Perindustrian	222,822.96	169,394.36

	2016	2015
	RM	RM
Lesen Iklan	379,928.24	375,162.78
Lesen Ternakan	5,779.50	8,432.70
Lesen Anjing	4,065.00	1,310.00
Lesen Sementara	138,322.80	122,510.00
Permit Hiburan	220.00	230.00
Pelbagai Pelesenan	27,359.00	28,707.50
	<u>2,004,470.00</u>	<u>1,828,495.18</u>
13. BAYARAN PERKHIDMATAN		
Proses Pelan Bangunan	576,275.07	435,520.39
Proses Pelan Kerja Tanah	499,727.49	877,943.00
Proses Pelan Landskap	4,468.00	3,300.00
Proses Pelan Tatatur	745,162.37	353,634.25
Proses Pindah Milik	49,282.26	58,320.00
Proses Pelbagai Permohonan	33,106.00	32,078.00
Permit Bangunan	482,215.46	307,183.33
Bayaran Letak Kereta	276,044.05	270,150.86
Bayaran Carian Rasmi	3,240.00	5,990.00
Pelbagai Perkhidmatan	110,038.86	124,336.15
Pemfailan Jadual Petak	200.00	—
Caj Warisan	34,050.40	20,918.00
	<u>2,813,809.96</u>	<u>2,489,373.98</u>
14. PEROLEHAN JUALAN BARANG		
Sijil Kesempurnaan Menduduki	30,914.10	13,900.75
Dokumen Sebutharga/Tender	49,350.00	54,100.00
Patil Lesen	51,840.00	53,510.00
Tong Sampah	12,552.00	13,464.00
Pelbagai Jualan Pelesenan	44,945.00	44,180.00
Penjualan Nombor Pintu	34,360.00	12,960.00
Pelbagai Jualan Harta	—	2,280.00
Pelbagai Jualan	21,808.00	21,620.00
	<u>245,769.10</u>	<u>216,014.75</u>
15. SEWAAN		
Sewaan Bangunan	1,479,696.10	1,513,205.07
Sewaan Dewan/Padang	4,920.00	14,353.00
Sewa Kenderaan	200.00	100.00
Sewaan Khemah/Peralatan	47.00	730.00
Pelbagai Sewaan Alat Pejabat	—	—
Pelbagai Sewaan	102,661.70	112,928.00
	<u>1,587,524.80</u>	<u>1,641,316.07</u>
16. FAEDAH DAN PELABURAN		
Faedah Simpanan Semasa	202,061.87	173,690.03
Faedah Simpanan Tetap	511,027.83	392,277.09

	2016	2015
	RM	RM
Faedah Pinjaman Majlis	8,321.16	7,810.45
Faedah Insuran/Pelbagai	30,852.70	18,536.16
	<u>752,263.56</u>	<u>592,313.73</u>
17. DENDA DAN HUKUMAN		
Denda Lewat Cukai Taksiran	318,627.86	227,320.05
Waran Tahanan	54,134.75	88,357.65
Denda Pembinaan Bangunan	118,148.80	177,644.70
Denda Perniagaan	41,664.80	41,011.33
Denda Penyewaan	38,166.52	35,583.35
Kompaun Letak Kereta	210,131.00	132,406.00
Pelbagai Kompaun	465,562.29	208,405.00
	<u>1,246,436.02</u>	<u>910,728.08</u>
18. LAIN-LAIN TERIMAAN		
Sumbangan Projek Penswastan	337,988.97	100,000.00
Pelbagai Sumbangan	5,000.00	5,000.00
Pulang Balik Gaji	219,796.28	199,065.65
Pelbagai Pulang Balik	46,376.10	7,008.81
	<u>609,161.35</u>	<u>311,066.46</u>
19. TERIMAAN DARI AGENSI KERAJAAN		
Sumbangan Kerajaan Negeri	—	29,500.00
Geran Keseimbangan	2,139,296.00	2,139,296.00
Geran Penyelenggaraan Jalan	2,325,339.59	2,285,964.48
Sumbangan Kerajaan Persekutuan	2,666,103.00	2,292,399.00
Sumbangan Agensi	—	6,000.00
Sumbangan PPKB	125,020.00	175,584.00
Sumbangan Peruntukan KPKT	7,993,817.53	4,253,727.02
	<u>15,249,576.12</u>	<u>11,182,470.50</u>
20. EMOLUMEN		
Gaji dan Upahan	7,250,895.26	7,237,896.90
Elaun Tetap	2,425,189.48	2,134,780.86
Sumbangan Berkanun	1,214,453.68	1,170,820.04
Bayaran Lebihmasa	601,485.41	525,381.86
Faedah-Faedah Kewangan Yang Lain	48,237.40	52,974.51
	<u>11,540,261.23</u>	<u>11,121,854.17</u>
21. PERKHIDMATAN DAN BEKALAN		
Perbelanjaan Perjalanan	470,010.81	421,842.36
Pengangkutan Barang	1,845.00	4,694.00
Perhubungan dan Utiliti	6,222,043.70	5,904,849.17
Sewaan	79,790.00	57,776.00
Bekalan Bahan Mentah	523,918.17	491,867.57

	2016	2015
	RM	RM
Bekalan Bahan-Bahan Lain	746,072.09	877,814.05
Penyelenggaraan dan Pembaikan	800,486.84	651,550.87
Perkhidmatan Iktisas	12,973,773.64	12,958,789.22
	<u>21,817,940.25</u>	<u>21,369,183.24</u>
22. ASET		
Tanah dan Pembaikan Tanah	—	—
Bangunan dan Pembaikan Bangunan	128,204.00	90,666.36
Kemudahan dan Pembaikan Kemudahan	856,243.13	931,365.20
Harta Modal Yang Lain	35,751.59	49,619.75
Binatang, Pokok dan Benih	67,220.00	109,161.00
	<u>1,087,418.72</u>	<u>1,180,812.31</u>
23. PEMBERIAN DAN KENAAN BAYARAN		
Pemberian Kepada Agensi Kerajaan	—	—
Pemberian Kepada Pertubuhan	52,860.00	83,970.00
Pemberian Kepada Individu	3,000.00	6,000.00
Ganjaran Kakitangan	79,114.09	201,380.94
	<u>134,974.09</u>	<u>291,350.94</u>
24. LAIN-LAIN PERBELANJAAN		
Pulang Balik dan Hapuskira	933.32	528.25
Bayaran-Bayaran Lain	1,016,907.78	1,000,149.23
Pembasmian Kemiskinan Bandar	162,777.00	221,536.00
Susutnilai	1,581,862.67	1,623,614.02
Pelupusan Harta Modal	17,978.80	12,171.40
	<u>2,780,489.57</u>	<u>2,857,998.90</u>
25. PERBELANJAAN PEMBANGUNAN		
Projek Penyelenggaraan Jalan	1,988,863.48	1,980,771.78
Projek Kemudahan Awam	1,610,003.77	166,674.32
Projek Sistem Perparitan	1,368,358.70	115,132.00
Projek Kemiskinan Bandar	397,460.00	—
	<u>5,364,685.95</u>	<u>2,262,578.10</u>
26. PERUNTUKAN PROJEK KERAJAAN PERSEKUTUAN		
Kerajaan Persekutuan telah menyalurkan peruntukan projek (melalui waran peruntukan) untuk dilaksanakan oleh Majlis.		
Projek Kemudahan Awam	6,685,820.00	2,360,593.52
Projek Penyelenggaraan Jalan	2,330,916.13	3,148,437.26
Projek Sistem Perparitan	1,256,395.00	1,114,341.54
Projek Program Kemiskinan Bandar	690,000.00	—
	<u>10,963,131.13</u>	<u>6,623,372.32</u>

27. CUKAI

Majlis dikecualikan dari membayar cukai pendapatan mengikut Jadual Enam Akta Cukai Pendapatan 1967.

No. 125.

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Penyata Kewangan Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah bagi tahun berakhir 31 Disember 2016 telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan Pada 31 Disember 2016 dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota penjelasan lain.

Tanggungjawab Ahli Majlis Terhadap Penyata Kewangan

Ahli Majlis bertanggungjawab terhadap penyediaan dan persembahan penyata kewangan tersebut yang saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Kerajaan Tempatan, 1976 [*Akta 171*]. Ahli Majlis juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang ditetapkan perlu oleh pengurusan bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan oleh *fraud* atau kesilapan.

Tanggungjawab Juruaudit

Tanggungjawab saya adalah memberi pendapat terhadap penyata kewangan tersebut berdasarkan pengauditan yang dijalankan. Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit, 1957 [*Akta 52*] dan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut menghendaki saya mematuhi keperluan etika serta merancang dan melaksanakan pengauditan untuk memperoleh jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan tersebut bebas daripada salah nyata yang ketara.

Pengauditan meliputi pelaksanaan prosedur untuk memperoleh bukti audit mengenai amaun dan pendedahan dalam penyata kewangan. Prosedur yang dipilih bergantung kepada pertimbangan juruaudit termasuk penilaian risiko salah nyata yang ketara pada penyata kewangan sama ada disebabkan oleh *fraud* atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko tersebut, juruaudit mempertimbangkan kawalan dalaman yang bersesuaian dengan entiti dalam penyediaan dan persembahan penyata kewangan yang memberi gambaran yang benar dan saksama bagi tujuan merangka prosedur pengauditan yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman entiti tersebut. Pengauditan juga termasuk menilai kesesuaian polisi perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan yang dibuat oleh pengurusan serta persembahan penyata kewangan secara menyeluruh.

Saya percaya bahawa bukti audit yang saya peroleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas bagi pendapat audit saya.

Pendapat

Pada pendapat saya, Penyata Kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah pada 31 Disember 2016 dan prestasi kewangan serta aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan Dan Peraturan Lain

Selaras dengan keperluan Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*], saya turut melaporkan bahawa pada pendapat saya:

- i. Rekod perakaunan dan rekod lain telah diselenggara dengan teratur selaras dengan Seksyen 53, Akta tersebut;
- ii. Penerimaan, perbelanjaan dan pelupusan aset oleh Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah bagi tahun berakhir 31 Disember 2016 adalah selaras dengan peruntukan Akta tersebut; dan
- iii. Aset dan liabiliti telah dinyatakan dengan saksama selaras dengan polisi perakaunan.

MELAKA
Bertarikh 28 September 2017

REDZUAN BIN ABDUL SAMAD
*b.p. Ketua Audit Negara
Malaysia*

PERNYATAAN OLEH AHLI MAJLIS-AHLI MAJLIS MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH

Kami, Mohmad Nizam bin Dawood, nombor kad pengenalan 681225-04-5039 dan Jamelah binti Bedol, nombor kad pengenalan 651211-04-5348 yang merupakan dua daripada Ahli Majlis, Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat kami, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan di dalamnya nota-nota adalah disediakan untuk memberi pandangan yang benar dan saksama berkenaan dengan kedudukan Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah pada 31 Disember 2016 dan basil kendaliannya serta perubahan dalam kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi Pihak Ahli Majlis-Ahli Majlis,

MOHMAD NIZAM BIN DAWOOD

JAMELAH BINTI BEDOL

Ahli Majlis
Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah *Ahli Majlis*
Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah

Bertarikh 28 April 2017

Bertarikh 28 April 2017

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA
 YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN
 MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH

Saya, Datuk Wira Zainal bin Hussin, nombor kad pengenalan 541011-04-5063 dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa saya adalah pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta nota-nota di dalamnya, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya adalah benar dan saya membuat pengakuan ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya adalah benar dan menurut kehendak undang-undang Akta Akuan Berkanun, 1960 [Akta 13] dan Akta Kerajaan Tempatan, 1976 [Akta 171].

Ditandatangani dan diakui
 oleh penama yang tersebut
 di atas di Melaka,
 di Negeri Melaka
 Pada 28 April 2017



Di hadapan saya:

ZALINA BINTI ZAINUDIN
No.: M070
Pesuruhjaya Sumpah
Malaysia

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN SEPERTI PADA 31 DISEMBER 2016

	2016	2015
	(RM)	(RM)
ASET		
ASET SEMASA		
Tunai dan Kesetaraan Tunai (Nota 3)	34,555,294	34,571,715
Pinjaman Kakitangan MBMB (Nota 4)	867,220	732,783
Akaun Belum Terima (Nota 5)	113,699,809	115,002,327
Hasil Terakru	68,454	223,070
Cek Hasil Tak Laku	6,307	42,643
Cukai Input	2,544,930	1,202,522
	<u>151,742,014</u>	<u>151,775,059</u>
ASET BUKAN SEMASA		
Hartanah, Loji dan Peralatan (Nota 6)	429,066,857	418,849,282
Pelaburan (Nota 7)	5,303,997	5,546,021
Bayaran Kemajuan (Nota 8)	33,154,118	44,478,676
	<u>467,524,972</u>	<u>468,873,979</u>

	2016 (RM)	2015 (RM)
LIABILITI		
LIABILITI SEMASA		
Akaun Belum Bayar (Nota 9)	55,360,084	54,293,477
Cagaran (Nota 10)	50,098,903	41,925,310
Akaun Penyelesaian Cek Terbatal	862,938	951,903
Cukai Output	2,517,477	461,485
Pinjaman Jangka Pendek (Nota 11)	5,356,079	5,033,751
Terdapat 2 inden kerja yang dikeluarkan dalam tahun semasa dan tidak direkodkan di dalam perbelanjaan sipiutang. Ini menyebabkan liability semasa Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya terkurang nyata sejumlah RM1,050,248.

Selain itu, pendapatan Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya bagi tahun berakhir 31 Disember 2016 telah terlebih nyata sejumlah RM1,663,959. Manakala perbelanjaan Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya telah terkurang nyata sejumlah RM2,970,975. Perkara ini menyebabkan keuntungan bersih tahun semasa Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya telah terlebih nyata sejumlah RM4,634,934.

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan The International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat berteguran saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan The International Standards of Supreme Audit Institutions.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Ahli Majlis bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap penyata kewangan Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Ahli Majlis Terhadap Penyata Kewangan

Ahli Majlis bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta 171, Akta Kerajaan Tempatan 1976 juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya, Ahli Majlis bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut The International Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut The International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan professional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Menenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya, sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsive terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah atau mengatasi kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalam Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Ahli Majlis.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Ahli Majlis dan berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh Laporan Juruaudit.
- e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya memberi gambaran yang saksama.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan Dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan seksyen 53 Akta 171, Akta Kerajaan Tempatan 1976, saya juga melaporkan bahawa pada pendapat saya, rekod lain yang dikehendaki Akta untuk disimpan oleh Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya telah disimpan dengan sempurna kecuali perkara yang dinyatakan di perenggan Asas Kepada Pendapat Berteguran.

Hal-hal Lain

- a. Seperti yang dinyatakan pada Nota 2 kepada penyata kewangan Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya telah menerima pakai piawaian perakaunan Malaysian Private Entities Reporting Standard (MPERS) mulai 1 Januari 2016 dengan tarikh peralihan pada 1 Januari 2015. Piawaian ini diterima pakai secara retrospektif oleh Ahli Majlis terhadap angka perbandingan dalam penyata kewangan ini, termasuk Penyata Kedudukan Kewangan Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya pada 31 Disember 2015 dan 1 Januari 2015, dan Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2015 dan pendedahan berkaitan. Saya tidak terikat untuk melaporkan angka perbandingan yang dinyatakan semula dan tidak diaudit. Tanggungjawab saya sebagai sebahagian daripada pengauditan penyata kewangan Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya bagi tahun berakhir 31 Disember 2016, dalam keadaan ini, termasuk mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian yang baki awal 1 Januari 2016 tidak mengandungi salah nyata yang boleh memberi kesan ketara terhadap kedudukan kewangan pada 31 Disember 2016 dan prestasi kewangan dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.
- b. Laporan ini dibuat untuk Ahli Majlis dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.

MELAKA
Bertarik 21 Ogos 2017

REDZUAN BIN ABDUL SAMAD
*b.p. Ketua Audit Negara
Malaysia*

PERNYATAAN OLEH AHLI MAJLIS-AHLI MAJLIS

Kami, Rahmad bin Mariman dan Md Ali bin Aluai yang merupakan dua daripada Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat kami, Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perubahan Dana Ekuiti Dan Kumpulan Wang Majlis yang berikut ini berserta dengan didalamnya nota-nota adalah disediakan untuk memberi pandangan yang benar dan saksama berkenaan dengan kedudukan Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya pada 31 Disember 2016 dan hasil kendaliannya serta perubahan dalam kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi Pihak Lembaga Ahli Majlis

RAHMAD BIN MARIMAN
*Ahli Majlis
Majlis Perbandaran
Hang Tuah Jaya*

Tarikh 27 April 2017

Bagi Pihak Lembaga Ahli Majlis

MD ALI BIN ALUAI
*Ahli Majlis
Majlis Perbandaran
Hang Tuah Jaya*

Tarikh 27 April 2017

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS
PENGURUSAN KEWANGAN MAJLIS PERBANDARAN HANG TUAH JAYA

Saya, Murad bin Husin, nombor kad pengenalan 640303-04-5819 dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa saya adalah pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya, Melaka dengan ikhlasnya mengakui bahawa Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perubahan Dana Ekuiti Dan Kumpulan Wang Majlis yang berikut ini berserta nota-nota didalamnya, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya adalah benar dan saya membuat pengakuan ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya adalah benar dan menurut kehendak undang-undang Akta Akuan Berkanun, 1960 dan Akta Kerajaan Tempatan, 1976.

Ditandatangani dan diakui
oleh penama yang tersebut
di atas di Melaka, di Negeri Melaka
pada 27 April 2017

MURAD BIN HUSIN

Di hadapan saya:

CHAN CHIEW YEN
*Pesuruhjaya Sumpah
Malaysia*

SENARAI AHLI MAJLIS-AHLI MAJLIS 2016

1. Haji Mansor bin Sudin
2. Y.Bhg. Datuk Ir. Hj. Khalid bin Omar (Tamat Pada Ogos 2016)
3. Rahmad bin Mariman
4. Md. Ali bin Aluai
5. Y. Bhg. Datuk Loh Sin Wah
6. Supt Imran bin Abd. Rahman
7. Hj. Mohd Zin bin Othman
8. Mohd Faizal bin Hamzah
9. Abd Latif bin Arshad
10. Azlan bin Muhamad
11. R.Ganes a/l Rethanam
12. Mohamed Nizam bin Haji Md. Yusof
13. Rahim bin Selamat
14. Teo Ai Hock
15. Lee Han Lim
16. Tee Yong Siang
17. Asman Elanggo Mani
18. Linesh Khandhar a/l Babu @ Harshad Kumar
19. Sivam a/l Tangarju

20. Choong Choe Hin
21. Mohd Reduan bin Abu
22. Wan Faudzilah binti Wan Abdullah
23. Khalijah binti Ahmad
24. Siti Rofaah binti Yaakub
25. Azniza binti Ahmad Khuzari

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2016

	2016 (RM)	2015 (RM)
ASET BUKAN SEMASA		
HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (Nota 8)	142,226,487	143,355,357
ASET SEMASA		
Penghutang (Nota 9)	16,796,436	12,303,814
Pelbagai Penghutang, Deposit dan Prabayar (Nota 10)	32,137	282,702
Wang di bank dan wang di tangan (Nota 11)	41,534,815	25,729,487
	<u>58,363,388</u>	<u>38,316,003</u>
TOLAK:		
LIABILITI SEMASA		
Pemiutang (Nota 12)	89,959,718	78,014,000
Pelbagai terimaan pendahuluan dan akruan (Nota 13)	23,595,008	16,296,280
Pemiutang sewa beli (Nota 14)	5,308,397	5,268,496
Pinjaman kerajaan negeri (Nota 15)	229,965	225,433
Pinjaman jangka pendek (Nota 16)	11	11
	<u>119,093,099</u>	<u>99,804,220</u>
LIABILITI SEMASA BERSIH	(60,729,711)	(61,488,217)
	<u>81,496,776</u>	<u>81,867,140</u>
DIBIAYAI OLEH:		
KUMPULAN WANG MAJLIS (Nota 17)	(8,443,364)	(12,191,686)
REZAB PENILAIAN SEMULA HARTA	3,684,000	3,684,000
GERAN TERTUNDA (Nota 18)	30,580,457	30,737,467
	<u>25,821,093</u>	<u>22,229,781</u>
LIABILITI JANGKA PANJANG		
Pinjaman kerajaan negeri (Nota 15)	1,878,666	2,108,631
Pemiutang sewa beli (Nota 14)	53,797,017	57,528,728
	<u>55,675,683</u>	<u>59,637,359</u>
	<u>81,496,776</u>	<u>81,867,140</u>

Nota-nota yang sebahagian daripada penyata kewangan ini dan perlu dibaca berkaitan dengannya.

PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF BAGI TAHUN KEWANGAN
BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

	2016 (RM)	2015 (RM)
PENDAPATAN		
Hasil cukai (Nota 19)	43,606,241	35,667,613
Lesen dan permit (Nota 20)	3,456,901	3,433,157
Perkhidmatan dan bayaran perkhidmatan (Nota 21)	2,267,804	2,377,931
Perolehan jualan barang (Nota 22)	469,968	479,651
Sewaan (Nota 23)	7,099,891	7,580,374
Denda dan hukuman (Nota 24)	1,594,611	1,101,198
Faedah & perolehan dari pelaburan (Nota 25)	1,138,391	733,732
Geran/sumbangan kerajaan (Nota 26)	1,893,453	1,893,453
Lain-lain pendapatan (Nota 27)	9,420,428	8,225,499
	70,947,688	61,492,608
TOLAK:		
PERBELANJAAN		
Emolumen (Nota 28)	8,235,715	7,623,857
Perbelanjaan perjalanan dan sara hidup (Nota 29)	269,150	193,436
Perhubungan & Utiliti (Nota 30)	7,932,388	6,956,325
Sewaan (Nota 31)	228,722	204,580
Bahan-bahan makan dan minuman (Nota 32)	3,170	600
Bekalan bahan mentah dan bahan-bahan untuk penyelenggaraan dan pembaikan (Nota 33)	962,026	445,789
Bekalan dan bahan-bahan lain (Nota 34)	1,125,555	822,976
Penyelenggaraan dan pembaikan kecil yang dibeli (Nota 35)	13,709,990	10,367,953
Perkhidmatan ikhtisas dan perkhidmatan lain yang dibeli dan hospitaliti (Nota 36)	29,619,166	29,471,434
Pemberian dan kenaikan bayaran tetap (Nota 37)	143,752	132,579
Perbelanjaan-perbelanjaan lain (Nota 38)	1,345,062	989,137
Susut nilai (Nota 8)	3,724,328	3,944,281
	67,299,024	61,152,947
LEBIHAN PENDAPATAN DARI PERBELANJAAN	3,648,664	339,661

Nota-nota yang sebahagian daripada kewangan ini dan perlu dibaca berkaitan dengannya.

PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI BAGI TAHUN KEWANGAN
BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

	Kumpulan Wang Majlis	Rezab Penilaian Semula Harta	Jumlah
	RM	RM	RM
Baki pada 1 Januari 2015	(12,531,347)	3,684,000	(8,847,347)
Lebihan pendapatan tahun semasa	339,661	—	339,661
	(12,191,686)	3,684,000	(8,507,686)
Baki pada 1 Januari 2016	(12,191,686)	3,684,000	(8,507,686)
Pelarasan tahun sebelum (Nota 40)	99,658	—	99,658
	(12,092,028)	3,684,000	(8,408,028)

		2016 (RM)	2015 (RM)
Seperti dinyatakan semula	(12,092,028)	3,684,000	(8,408,028)
Lebihan pendapatan tahun semasa	3,648,664	—	3,648,664
Baki pada 31 Disember 2016	(8,443,364)	3,684,000	(4,759,364)

Nota-nota yang sebahagian daripada kewangan ini dan perlu dibaca berkaitan dengannya.

PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN KEWANGAN
BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

	2016 (RM)	2015 (RM)
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI-AKTIVITI KENDALIAN		
Lebihan pendapatan dari perbelanjaan	3,648,664	339,661
Pelarasan:		
Pelarasan tahun sebelum	(162,108)	—
Susutnilai hartanah, loji dan peralatan	3,688,328	3,879,466
Belanja faedah	615,392	584,606
Untung pelupusan harta	(318,075)	—
Lebihan pendapatan dari perbelanjaan sebelum pertukaran modal kerja	7,472,201	4,803,733
(Pertambahan)/Pengurangan aset semasa:		
Penghutang	(4,492,622)	(2,219,437)
Pelbagai penghutang deposit dan prabayar	250,565	—
Pertambahan/(Pengurangan) liabiliti semasa:		
Pemiutang	11,945,718	9,063,602
Pelbagai terimaan pendahuluan dan akruan	7,298,728	3,274,849
Faedah dibayar	22,474,590 (615,392)	14,922,747 (584,606)
Tunai bersih diperolehi dari aktiviti-aktiviti kendalian	21,859,198	14,338,141
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI-AKTIVITI PELABURAN		
Pembelian hartanah, loji dan peralatan	(2,597,692)	(3,556,744)
Penjualan hartanah, loji dan peralatan	—	5,192,016
Tunai bersih (digunakan)/diperolehi untuk aktiviti- aktiviti pelaburan	(2,597,692)	1,635,272
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI-AKTIVITI PEMBIAYAAN		
Geran tertunda	(157,010)	(5,277,658)
Pinjaman jangka pendek	—	(362,014)
Pinjaman jangka panjang	(225,433)	2,334,064

	2016 (RM)	2015 (RM)
Bayaran balik kepada pemiutang sewabeli	(5,345,810)	(5,299,414)
Perolehan daripada pemiutang sewabeli	1,690,000	—
Penerimaan atas pelupusan	582,075	—
	<u>(3,456,178)</u>	<u>(8,605,022)</u>
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI		
Pertambahan bersih	15,805,328	7,368,391
Wang tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun	25,729,487	18,361,096
	<u>41,534,815</u>	<u>25,729,487</u>
Wang tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun	41,534,815	25,729,487
	<u>41,534,815</u>	<u>25,729,487</u>
PECAHAN TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI		
Wang di bank dan wang di tangan	41,534,815	25,729,487
	<u>41,534,815</u>	<u>25,729,487</u>

Nota-nota yang sebahagian daripada penyata kewangan ini dan perlu dibaca berkaitan dengannya.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

1. MAKLUMAT AM

1.1 Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (selepas ini disebut Majlis) adalah sebuah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang ditubuhkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) bermula pada 1 Januari 2010.

1.2 Pejabat utama Majlis terletak di kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya dengan alamat utamanya di:

SF-01, Aras 2
Kompleks Melaka Mall
Jalan Tun Abdul Razak-Ayer Keroh
75450 Ayer Keroh
Hang Tuah Jaya, Melaka

1.3 Sebagai sebuah PBT antara kegiatan-kegiatan utama Majlis adalah seperti berikut;

- Perkhidmatan perbandaran dan kebersihan
- Penyelenggaraan kemudahan awam
- Kawalan pembangunan
- Kawalan perniagaan

1.4 Tiada sebarang perubahan penting dalam kegiatan-kegiatan ini disepanjang tahun kewangan.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

2.1 Tahun Kewangan

Tahun kewangan Majlis adalah bagi tempoh dua belas bulan berakhir 31 Disember setiap tahun dan Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya telah di sediakan selaras dengan Piawaian Laporan Entiti Persendirian Malaysia ("MPERS").

2.2 Asas-Asas Penyediaan Penyata Kewangan

Penyata kewangan Majlis telah disediakan menurut kelaziman kos sejarah dan mematuhi piawaian perakaunan yang diluluskan di Malaysia dan peruntukan Akta Kerajaan Tempatan 1976 kecuali terhadap perkara-perkara yang dinyatakan di dalam penyata kewangan.

2.3 Hartanah, Loji dan Peralatan

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada harga kos setelah ditolak susutnilai terkumpul dan kerugian kemerosotan nilai. Hartanah, loji dan peralatan yang tidak digunakan secara aktif dan dipegang untuk pelupusan dinyatakan pada nilai buku bersih dan nilai pasaran bersih yang rendah.

Perolehan tanah yang melibatkan pembinaan jalan baru dan parit tidak dipermodalkan sebagai harta tetap tetapi diambilkira sebagai perbelanjaan semasa, walaubagaimana pun, perolehan tanah tersebut akan direkod sebagai bayaran kemajuan sehingga kerja-kerja pembinaan dijalankan ke atas tanah tersebut.

Hartanah, loji dan peralatan disusutnilaikan pada asas garis lurus sepanjang anggaran hayat guna aset berkenaan pada kadar susut nilai tahunan seperti berikut:

Bangunan Kekal	2%
Bangunan Separuh Kekal	5%
Kenderaan	20%
Alat kelengkapan pejabat	10%
Alat kelengkapan penyiaran	10%
Alat kelengkapan elektronik	33%
Alat kelengkapan elektrik	10%
Alat kelengkapan fotografi & muzik	10%
Alat kelengkapan kebersihan	10%
Alat kelengkapan yang lain	10%

Hartanah bangunan yang terletak di atas tanah milik Kerajaan Negeri Melaka adalah diiktiraf sebagai bangunan milik separuh kekal. Walaubagaimana pun, hartanah yang diserahkan oleh PBT adalah mengikut kadar dan kategori asal bangunan tersebut.

Amaun penilaian semula diambil bagi bangunan yang tidak mempunyai nilai buku bersih serahan Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah.

2.4 Pengiktirafan Pendapatan

Semua geran pemberian dan sumbangan daripada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau lain-lain PBT diambil kira sebagai hasil sebagaimana yang telah diperuntukkan dalam Seksyen 39 Akta Kerajaan Tempatan 1976.

Manakala geran-geran lain yang bukan dalam bentuk tunai yang mana pembayarannya untuk tujuan projek pembangunan dan tidak melalui Majlis tidak akan diambil kira dalam penyata kewangan Majlis.

Hasil cukai dan sewaan diktiraf sebagai pendapatan mengikut asas akruan. Manakala hasil-hasil yang lain diiktiraf berdasarkan asas tunai.

Pendapatan dari pelupusan dan perolehan aset diiktiraf apabila surat perjanjian telah ditandatangani atau diluluskan oleh pihak berkuasa negeri.

Lain-lain hasil bukan cukai dan terimaan bukan hasil diiktiraf berdasarkan asas tunai.

2.5 Pengiktirafan Perbelanjaan

Semua perbelanjaan diiktiraf mengikut asas akruan.

Pembelian bekalan stor dan bahan alat ganti diambil kira sebagai perbelanjaan semasa dan tidak diambil kira ke dalam akaun stok.

2.6 Pelbagai Terimaan Pendahuluan

Pelbagai terimaan pendahuluan merupakan pendahuluan yang diterima daripada deposit dan cagaran.

2.7 Rezab Penilaian Semula Harta

Majlis menjalankan polisi penilaian semula terhadap tanah milik bebas, tanah pegangan pajak dan bangunan kekal yang mempunyai hak milik setiap 5 tahun.

2.8 Geran Tertunda

Geran tertunda adalah geran kerajaan untuk maksud pembelian/pembinaan hartanah, loji dan peralatan serta kerja dalam pembinaan. Geran kerajaan tersebut diakaunkan sebagai geran tertunda dan pengiktirafan pendapatan dari geran tersebut adalah berpadanan dengan perbelanjaan yang diiktiraf berkaitan dengan hartanah, loji dan peralatan tersebut.

2.9 Geran dan Sumbangan Kerajaan

Semua geran pemberian dan sumbangan dalam bentuk tunai yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri diambil kira sebagai hasil sebagaimana yang telah diperuntukkan dalam Seksyen 39(d) Akta Kerajaan Tempatan 1976.

3. MANFAAT KAKITANGAN

3.1 Manfaat jangka pendek

Gaji, upah, bonus, elaun, cuti tahunan berbayar, cuti sakit dan manfaat-manfaat lain yang bukan berbentuk kewangan adalah diiktiraf sebagai belanja di dalam tahun di mana perkhidmatan diberikan oleh kakitangan-kakitangan Majlis.

3.2 Pelan caruman yang ditetapkan

Majlis adalah diwajibkan mencarum kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP) seperti yang dituntut oleh undang-undang. Majlis juga membuat caruman keselamatan sosial kepada Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO). Caruman tersebut diiktiraf sebagai perbelanjaan di dalam penyata pendapatan tahun yang berkenaan. Apabila caruman dibayar, Majlis tiada lagi tanggungan pada masa hadapan.

3.3 Manfaat penamatan kakitangan

Manfaat penamatan kakitangan adalah diiktiraf apabila persetujuan dicapai dengan wakil kakitangan mengenai terma penamatan kakitangan atau setelah kakitangan yang terbabit diberitahu mengenai terma-terma yang berkaitan secara spesifik.

3.4 Manfaat kepada Ahli Majlis

Elaun kepada Ahli Majlis dibayar berdasarkan kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN). Elaun diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tahun berkenaan.

4. INSTRUMEN KEWANGAN

Instrumen kewangan diiktiraf dalam Lembaran Imbangan apabila Majlis menjadi pihak kepada peruntukan berkontrak instrumen tersebut. Instrumen kewangan dikelaskan sebagai harta atau liabiliti mengikut perjanjian kontrak. Faedah, dividen, keuntungan atau kerugian

berkaitan dengan instrumen kewangan dikelaskan sebagai liabiliti akan dilaporkan sebagai pendapatan atau perbelanjaan. Instrumen kewangan yang diiktiraf dalam lembaran imbalan dinyatakan pada penyata polisi individu mengikut perkara berkaitan:

4.1 Penghutang dan pemiutang

4.1.1 Hutang Lapuk

Hutang lapuk yang dapat dikenalpasti akan dihapuskan. Walaubagaimana pun peruntukan hutang ragu akan dibuat terlebih dahulu dan hanya dihapuskan setelah semua tindakan yang diiktiraf berpatutan telah dibuat.

4.1.2 Peruntukan Hutang Ragu

Peruntukan hutang ragu diwujudkan bagi memberi satu anggaran akan hutang atau tunggakan hasil yang berkemungkinan besar tidak dapat dikutip dan akan menjadi lapuk.

Peruntukan hutang ragu akan dibuat ke atas penghutang iaitu:

Cukai taksiran harta - Peruntukan akan dibuat ke atas tunggakan yang umurnya melebihi 5 tahun.

Sewaan gerai/pasar - Peruntukan akan dibuat ke atas akaun yang tidak aktif melebihi 5 tahun.

4.1.3 Pemiutang

Amaun belum bayar dinyatakan pada kos iaitu nilai saksama yang akan dibayar pada masa depan untuk barangan dan perkhidmatan yang diterima dan kerja yang dilaksanakan.

4.1.4 Pemiutang sewabeli

- (i) Pembelian kenderaan secara sewabeli dibuat selama 7 - 9 tahun dan dibiayai oleh tiga bank iaitu AmIslamic Bank Berhad, CIMB Bank Berhad dan Maybank Islamic Bank Berhad.
- (ii) Pembelian Kompleks Melaka Mall adalah secara sewabeli selama 13 tahun daripada Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah dengan harga RM60 juta tanpa melibatkan faedah pinjaman.
- (iii) Pembelian 7 aset daripada Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah secara sewa beli selama 30 tahun dengan harga RM18,936,000.00.
- (iv) Pembelian tanah Lot PT16362, Mukim Batu Berendam, Daerah Melaka Tengah daripada Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah secara sewa beli selama 10 tahun dengan harga RM1,690,000.00.

4.1.5 Pinjaman Kerajaan Negeri

Pinjaman daripada Kerajaan Negeri Melaka berjumlah RM2,445,110.00 dengan kadar faedah 2.00% selama 10 tahun bagi pembayaran projek cadangan membina dan menyiapkan bilik di raja termasuk menaiktaraf lain-lain kemudahan di Pusat Ekuestrian Stadium Hang Jebat, Krubong, Melaka.

4.1.6 Pinjaman Jangka Pendek

Pinjaman daripada AmIslamic Bank Berhad berjumlah RM2,000,000.00 dengan kadar faedah semasa 6.50% untuk tempoh setahun.

4.1.7 Pinjaman Jangka Pendek

Tunai terdiri daripada wang dalam tangan, wang di bank dan kesetaraan tunai meliputi Simpanan Tetap yang tempoh matangnya tidak melebihi satu tahun dan boleh ditukar kepada tunai dalam tempoh yang terdekat.

5. MATERIALITI

Penyata kewangan Majlis yang disediakan mengambil kira dan melaporkan perkara-perkara yang penting untuk membantu membuat penilaian dan keputusan.

6. CUKAI

Majlis adalah dikecualikan dari membayar Cukai Pendapatan mengikut Jadual Enam Akta Cukai Pendapatan 1967.

7. MATAWANG

Jumlah-jumlah dinyatakan dalam matawang Ringgit Malaysia (RM).

8. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

	Pada 1-1-2016	Pelarasan tahun sebelum	Tambahan	Hapuskira	Pada 31-12-2016
	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)
KOS					
Tanah	675,983	213,561	1,759,141	—	2,648,685
Bangunan Kekal	149,368,795	—	526,467	300,000	149,595,262
Bangunan Separuh Kekal	3,992,453	69,310	—	—	4,061,763
Kenderaan	3,782,991	—	11,846	—	3,794,837
Alat kelengkapan pejabat	33,397	—	—	—	33,397
Alat kelengkapan elektronik	3,487,979	—	249,331	—	3,737,310
Alat kelengkapan elektrik	294,653	—	44,529	—	339,182
Alat kelengkapan penyiaran	136,030	—	3,500	—	139,530
Alat kelengkapan fotografi & muzik	28,915	—	2,878	—	31,793
Alat kelengkapan kebersihan	78,890	—	—	—	78,890
Alat kelengkapan yang lain	4,980	—	—	—	4,980
	<u>161,885,066</u>	<u>282,871</u>	<u>2,597,692</u>	<u>300,000</u>	<u>164,465,629</u>

	Pada 1-1-2016	Pelarasan tahun sebelum	Tambahan	Pelarasan	Pada 31-12-2016
	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)
SUSUTNILAI TERKUMPUL					
Tanah	26,817	10,708	24,111	—	61,636
Bangunan Kekal	11,625,323	—	2,985,460	36,000	14,574,783
Bangunan Separuh Kekal	366,800	10,397	203,088	—	580,285
Kenderaan	3,524,505	—	185,259	—	3,709,764
Alat kelengkapan pejabat	8,891	—	3,340	—	12,231
Alat kelengkapan elektronik	2,843,348	—	267,297	—	3,110,645
Alat kelengkapan elektrik	68,128	—	30,838	—	98,966
Alat kelengkapan penyiaran	28,338	—	13,632	—	41,970

	Pada 1-1-2016	Pelarasan tahun sebelum	Tambahan	Pelarasan	Pada 31-12-2016
	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)
Alat kelengkapan fotografi & muzik	13,286	—	2,916	—	16,202
Alat kelengkapan kebersihan	21,700	—	7,889	—	29,589
Alat kelengkapan yang lain	2,573	—	498	—	3,071
	<u>18,529,709</u>	<u>21,105</u>	<u>3,724,328</u>	<u>36,000</u>	<u>22,239,142</u>

9. NILAI BUKU BERSIH

	Pada 1-1-2016	Pada 31-12-2016
	(RM)	(RM)
Tanah	649,166	2,587,049
Bangunan Kekal	137,743,472	135,020,479
Bangunan Separuh Kekal	3,625,653	3,481,478
Kenderaan	258,486	85,073
Alat kelengkapan pejabat	24,506	21,166
Alat kelengkapan elektronik	644,631	626,665
Alat kelengkapan elektrik	226,525	240,216
Alat kelengkapan penyiaran	107,692	97,560
Alat kelengkapan fotografi & muzik	15,629	15,591
Alat kelengkapan kebersihan	57,190	49,301
Alat kelengkapan yang lain	2,407	1,909
	<u>143,355,357</u>	<u>142,226,487</u>

10. PENGHUTANG

	2016	2015
	(RM)	(RM)
Penghutang cukai taksiran	10,312,085	8,877,783
Penghutang sewa bangunan	2,043,635	1,654,588
Penghutang sewa petak letak kereta	410,861	297,229
Penghutang sewa gelanggang	102,533	83,444
Penghutang sewa gerai/kiosk/pasar	233,150	192,529
Pendahuluan kepada Majlis Perbandaran Alor Gajah	209,181	209,181
Pendahuluan kepada Majlis Perbandaran Jasin (MPJ)	—	12,942
Penghutang Cbk- Kerajaan Negeri	1,509,405	172,291
Penghutang - Pembersihan rumah kosong	7,600	13,500
Penghutang - Perkhidmatan keselamatan CIT	7,392	7,392
Penghutang - Jalan Marris Jkr	165,339	330,678
Penghutang - Cbp sewaan	461,997	170,161
Penghutang - Kastam Diraja Malaysia	705,977	282,096
Penghutang - Jabatan Kerajaan Negeri Melaka	700,000	—
	<u>16,869,155</u>	<u>12,303,814</u>
Tolak:		
Peruntukan hutang ragu	(72,719)	—
	<u>16,796,436</u>	<u>12,303,814</u>

11. PELBAGAI PENGHUTANG, DEPOSIT DAN PRABAYAR

	2016 (RM)	2015 (RM)
Kos tanah dalam proses pengambilalihan	—	282,702
Deposit pembelian kereta	32,137	—
	<u>32,137</u>	<u>282,702</u>

12. WANG DI BANK DAN WANG DI TANGAN

Wang di bank:

Akaun AmBank	29,448,519	17,186,644
Akaun Maybank	5,071,959	3,476,882
Akaun CIMB	5,426,992	4,238,521
Akaun BSN	1,195,636	680,757
Akaun Affin Bank - (E-kasih)	2,642	2,642
Akaun Affin Bank - (Internet banking)	75,509	74,756
Akaun Bank Islam	310,758	66,485
	<u>41,532,015</u>	<u>25,726,687</u>

Wang di tangan:

Panjar wang runcit	2,000	2,000
Wang apungan kaunter pembayaran	800	800
	<u>41,534,815</u>	<u>25,729,487</u>

13. PEMIUTANG

Akruan perkhidmatan audit	30,775	30,775
Perbelanjaan Sipiutang	5,409	123,473
Perbelanjaan akuan kena bayar tahun lalu	2,269,720	2,509,301
Southern Waste Management Sdn. Bhd.	2,687,716	3,054,557
Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Perbersihan Awam	83,453,967	70,488,343
Pendahuluan daripada Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB)	1,512,131	1,807,551
	<u>89,959,718</u>	<u>78,014,000</u>

14. PELBAGAI TERIMAAN, PENDAHULUAN DAN AKRUAN

Cukai taksiran	723,115	394,916
Deposit pembinaan	7,195,658	5,965,551
Deposit sewa gerai	448,786	349,453
Deposit pelbagai	210,680	134,072
Deposit Jabatan Penilaian	820,064	775,437
Deposit kerja tanah/parit & jalan (Jab Kejuruteraan)	4,448,801	2,940,333
Deposit letak kereta (Penswastaaan)	500,000	500,000
Pendahuluan sewaan pasar borong (Jab Penilaian)	84,000	84,000
Wang jaminan pelaksanaan (Kejuruteraan)-Wjp	402,616	842,577
Sumbangan dari KDN - Program Bandar	17,592	542,173
Sumbangan khas projek pembangunan dari KPKT	496,425	1,123,538
Sumbangan tabung penyelenggaraan 1 Malaysia (COB)	19,412	349,899
Sumb. program pembasmian kemiskinan bandar	615,694	—

	2016 (RM)	2015 (RM)
Sumbangan penurapan jalan JKR	455,200	95,340
Tabung amanah hijau	14,620	30,820
Sumbangan projek NBOS	5,000	5,000
Sumbangan caj warisan	607,975	352,551
Sumbangan penjaja 1 Malaysia (PP1M)	3,065	3,065
Bon jaminan penyelenggaraan & utiliti bangunan	20,000	20,000
Bon jaminan agen pengurusan	4,400	4,400
Deposit jualan barang-barang rampasan	5,000	5,000
Tabung sumbangan perparitan	6,475,940	1,765,870
Wang jaminan pelaksanaan (Landskap)	12,285	12,285
Sumbangan Bandar Mampam Murninets	8,500	—
	<u>23,595,008</u>	<u>16,296,280</u>

15. PEMIUTANG SEWA BELI

Bayaran hutang minimum—		
tidak melebihi dari 1 tahun	5,846,523	5,780,537
melebihi 1 tahun tetapi tidak melebihi 5 tahun	22,663,428	22,077,614
melebihi 5 tahun tetapi tidak melebihi 9 tahun	36,791,988	41,342,039
	<u>65,301,939</u>	<u>69,200,190</u>
Tolak:		
Caj kewangan yang akan dikenakan	(6,196,525)	(6,402,966)
Nilai semasa hutang sewa beli	<u>59,105,414</u>	<u>62,797,224</u>
Nilai semasa hutang sewa beli—		
tidak melebihi dari 1 tahun	5,308,397	5,268,496
melebihi satu tahun tetapi tidak melebihi 5 tahun	20,821,213	20,322,881
melebihi 5 tahun tetapi tidak melebihi 9 tahun	32,975,804	37,205,847
	<u>59,105,414</u>	<u>62,797,224</u>

16. PINJAMAN KERAJAAN NEGERI

Bayaran hutang minimum—		
tidak melebihi dari 1 tahun	270,993	270,993
melebihi 1 tahun tetapi tidak melebihi 5 tahun	1,083,972	1,354,965
melebihi 5 tahun tetapi tidak melebihi 9 tahun	948,476	948,476
	<u>2,303,441</u>	<u>2,574,434</u>
Tolak:		
Caj kewangan yang akan dikenakan	(194,810)	(240,370)
Nilai semasa hutang sewa beli	<u>2,108,631</u>	<u>2,334,064</u>
Nilai semasa hutang sewa beli—		
tidak melebihi dari 1 tahun	229,965	225,433
melebihi satu tahun tetapi tidak melebihi 5 tahun	967,019	947,965
melebihi 5 tahun tetapi tidak melebihi 9 tahun	911,647	1,160,666
	<u>2,108,631</u>	<u>2,334,064</u>

17. PINJAMAN JANGKA PENDEK

	2016 (RM)	2015 (RM)
PINJAMAN INSTITUSI KEWANGAN		
Bayar dalam tempoh setahun	11	11
Baki pada 31 Disember	11	11

18. KUMPULAN WANG MAJLIS

Baki pada 1 Januari	(12,191,686)	(12,531,347)
Pelarasan tahun sebelum	99,658	—
Seperti dinyatakan semula	(12,092,028)	(12,531,347)
Lebih pendapatan	3,648,664	339,661
Baki pada 31 Disember	(8,443,364)	(12,191,686)

19. GERAN TERTUNDA

Baki pada 1 Januari 2016	30,737,467	36,015,125
Geran tertunda bagi tahun semasa	526,467	(4,653,785)
Tolak:		
Pelunasan geran tertunda	(683,477)	(623,873)
Baki pada 31 Disember 2016	30,580,457	30,737,467

20. HASIL CUKAI

Cukai taksiran	36,471,512	32,680,578
Sumbangan bantu kadar	7,134,729	2,987,035
	43,606,241	35,667,613

21. LESEN DAN PERMIT

Lesen perniagaan	2,359,517	2,263,044
Lesen iklan	1,060,742	1,132,241
Permit letak bahan binaan	36,642	37,872
	3,456,901	3,433,157

22. PERKHIDMATAN DAN BAYARAN PERKHIDMATAN

Bayaran proses perkhidmatan	1,400,899	1,993,489
Caj utiliti	49,045	44,154
Caj proses keluaran SKM	11,580	11,530
Pelbagai bayaran perkhidmatan	806,280	328,758
	2,267,804	2,377,931

23. PEROLEHAN JUALAN BARANG

	2016 (RM)	2015 (RM)
Jualan tender dokumen	50,800	41,915
Jualan papan tanda	75,517	70,636
Jualan patel, plet dan lencana	49,129	42,009
Jualan plet permit sementara	278,615	228,987
Pelbagai jualan	15,907	96,104
	<u>469,968</u>	<u>479,651</u>

24. SEWAAN

Sewa gelanggang	18,895	19,033
Sewa tanah/bangunan	4,111,254	4,454,398
Sewa pokok bunga/pasu	53,415	73,875
Sewa gerai/kiosk/pasar	1,107,187	945,119
Sewaan petak letak kereta	1,742,600	2,083,731
Sewa kenderaan	375	1,975
Sewa billboard	61,515	—
Pelbagai sewaan	4,650	2,243
	<u>7,099,891</u>	<u>7,580,374</u>

25. DENDA DAN HUKUMAN

Denda letak kereta penswastaaan	469,471	246,659
Denda/kompaun jabatan pelesenan	69,277	24,625
Denda pembinaan tanpa kelulusan	114,392	222,136
Denda lewat dan notis	829,624	474,817
Kompaun dan denda penguatkuasa	106,690	118,851
Pelbagai denda dan hukuman	5,157	14,110
	<u>1,594,611</u>	<u>1,101,198</u>

26. FAEDAH DAN PEROLEHAN DARIPADA PELABURAN

Faedah daripada akaun semasa	1,064,976	640,719
Komisen dan Rebat Insuran	73,415	93,013
	<u>1,138,391</u>	<u>733,732</u>

27. GERAN/SUMBANGAN KERAJAAN

Geran tahunan	1,893,453	1,893,453
	<u>1,893,453</u>	<u>1,893,453</u>

28. LAIN-LAIN PENDAPATAN

Pulangan balik pembelian	514,778	79,217
Terimaan daripada agensi-agensy kerajaan dan swasta	7,889,633	7,508,369
Pelbagai kutipan hasil	14,465	14,040
Pelunasan Geran Tertunda	683,477	623,873
Keuntungan pelupusan harta	318,075	—
	<u>9,420,428</u>	<u>8,225,499</u>

29. EMOLUMEN

	2016 (RM)	2015 (RM)
Gaji dan upahan	4,826,547	4,417,767
Elaun dan imbuhan tetap	1,917,869	1,734,612
Sumbangan berkanun untuk kakitangan	844,119	774,568
Bayaran lebih masa	369,484	374,080
Faedah-faedah kewangan yang lain	277,696	322,830
	<u>8,235,715</u>	<u>7,623,857</u>

30. PERBELANJAAN PERJALANAN DAN SARA HIDUP

Perjalanan dan penginapan	189,913	138,704
Bayaran lain-lain	79,237	54,732
	<u>269,150</u>	<u>193,436</u>

31. PERHUBUNGAN & UTILITI

Perhubungan	175,526	188,135
Utiliti	7,756,862	6,768,190
	<u>7,932,388</u>	<u>6,956,325</u>

32. SEWAAN

Sewa kenderaan	91,295	82,279
Sewa peralatan-peralatan	65,333	61,851
Sewa pelbagai	58,544	60,450
Sewa bangunan	13,550	—
	<u>228,722</u>	<u>204,580</u>

33. BAHAN-BAHAN MAKAN DAN MINUMAN

Makanan dan minuman yang telah diproses	3,170	600
	<u>3,170</u>	<u>600</u>

34. BEKALAN BAHAN MENTAH DAN BAHAN-BAHAN UNTUK PENYELENGGARAAN DAN PEMBAIKAN

Alat-alat ganti	802,339	260,779
Petroleum dan bahan-bahan pembakar	116,912	123,467
Kimia dan bahan-bahan kimia	10,355	7,317
Bekalan pertanian	28,532	54,226
Makanan ternakan	3,888	—
	<u>962,026</u>	<u>445,789</u>

35. BEKALAN DAN BAHAN-BAHAN LAIN

	2016 (RM)	2015 (RM)
Bekalan pejabat	529,078	372,101
Bekalan am	357,579	292,409
Bahan tenunan dan barang-barang pakaian	238,898	158,466
	<u>1,125,555</u>	<u>822,976</u>

36. PENYELENGGARAAN DAN PEMBAIKAN YANG DIBELI

Penyelenggaraan bangunan	1,696,332	2,265,739
Kemudahan jalan raya	805,969	680,048
Kemudahan talian dan pengairan	283,860	163,682
Kemudahan riadah dan taman	991,004	1,145,170
Kemudahan-kemudahan lain	4,879,042	4,593,455
Penyelenggaraan kenderaan	30,102	27,615
Penyelenggaraan alatan pejabat	121,405	68,802
Perbelanjaan Pembangunan	4,902,276	1,423,422
	<u>13,709,990</u>	<u>10,367,953</u>

37. PERKHIDMATAN IKHTISAS DAN PERKHIDMATAN LAIN YANG DIBELI DAN HOSPITALITI

Perkhidmatan yang dibeli	23,980,253	24,571,099
Perkhidmatan percetakan dan menjilid yang dibeli	223,963	176,824
Bayaran kepada kakitangan kontrak	4,524,799	3,877,534
Kerajaan, hospitaliti dan honorarium	890,151	845,977
	<u>29,619,166</u>	<u>29,471,434</u>

38. PEMBERIAN DAN KENAAN BAYARAN TETAP

Pemberian dalam negeri	143,752	132,579
	<u>143,752</u>	<u>132,579</u>

39. PERBELANJAAN-PERBELANJAAN LAIN

Pulanganbalik dan hapuskira	115,871	1,455
Cukai dan pelbagai	272,943	77,860
Caj perkhidmatan bank	340,856	318,801
Faedah atas sewa beli	615,392	584,606
Kerugian pelupusan harta	—	6,415
	<u>1,345,062</u>	<u>989,137</u>

40. GERAN DAN SUMBANGAN KERAJAAN

Geran pemberian dan sumbangan yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri untuk projek pembangunan yang bukan dalam bentuk tunai dan tidak melalui Majlis tidak akan diambil kira sebagai hasil dan perbelanjaan dalam penyata kewangan Majlis.

Geran dan sumbangan yang diterima dalam bentuk projek pembangunan yang tidak diambil kira di dalam tahun semasa adalah seperti berikut:

	2016 (RM)	2015 (RM)
Jalan, parit dan longkang	2,070,317	1,855,798
Selenggara kemudahan	2,343,332	2,285,535
	<u>4,413,649</u>	<u>4,141,333</u>

41. PELARASAN TAHUN SEBELUM

	2016 (RM)
Belanja terkurang nyata	(21,105)
Belanja terlebih nyata	115,230
Hasil terkurang nyata	9,900
Hasil terlebih nyata	(4,367)
	<u>99,658</u>

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
KUALA LUMPUR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA